

TARIKH	15 / 03 / 2016	SEKSYEN	Dewan Rakyat
MUKA SURAT	11	RUANGAN	

Hilang giliran jika keluar deposit haji

» Penyimpan perlu daftar semula tunggu hingga 70 tahun

Laporan Mohd Hamizar Hamid dan Norakmah Mat Youb
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pendeposit Lembaga Tabung Haji (TH) yang mengeluarkan wang pendaftaran haji sebanyak RM1,300 bersama simpanan mereka, perlu mendaftar semula dan menunggu sehingga 70 tahun untuk mengerjakan haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata tidak ada kaedah lain yang boleh membantu pendeposit berkenaan mendapatkan gilirannya seperti sebelum berhenti menjadi

pendeposit haji. "Jika mereka mengeluarkan caruman akbat termakan hasutan, bukan saja mereka terlepas daripada mendapat dividen dan bonus, malah mereka yang sudah mendaftar haji akan terlepas peluang (giliran) itu.

Terpaksa tunggu giliran

"Selepas 'sedar' dan datang semula mendaftar haji sekalipun, mereka (pendeposit) terpaksa menunggu giliran sama seperti mendaftar haji baharu," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Ahmad Hamzah (BN-Jasin) yang bertanyakan kesan terhadap tuduhan dan ana-

lisis 'separuh masak' serta penyebaran surat Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung kedudukan kewangan TH.

Pendeposit perlu meletakkan deposit RM1,300 daripada wang simpanan untuk pendaftaran haji dan diberikan tarikh peruntukan haji mengikut giliran.

Sementara itu, Jamil Khir berkata kedudukan kewangan TH kukuh bagi tahun lalu walaupun mendapat teguran BNM.

Malah, katanya, keuntungan TH bagi tahun kewangan 2015 adalah yang tertinggi sejak ditubuhkan pada 1963.

"Keuntungan bersih TH bagi tahun 2015 ialah RM3.5 bilion dan bayaran bonus sebanyak RM3.2 bilion bagi tahun sama," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan lisan Lim Guan Eng (DAP-Bagan) yang ingin penjelasan mengenai status aset dan liabiliti terkini institusi itu berikutan pendedahan BNM bahawa TH tidak mempunyai aset mencukupi berbanding tanggungan liabiliti.



“*Jika mereka mengeluarkan caruman akbat termakan hasutan, bukan saja mereka terlepas daripada mendapat dividen dan bonus, malah mereka yang sudah mendaftar haji akan terlepas peluang (giliran) itu*”

Jamil Khir Baharom,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online